



1. JAWATAN	: EKSEKUTIF JURUTERA JENTERA LADANG
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER- SUMBER UTAMA
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Pertanian / Pengurusan Awam dan Kejuruteraan / Kejuruteraan Awam atau bidang bersesuaian.  
ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sebagai Jurutera Jentera Ladang dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun.

**ATAU**

- b) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah sedang berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB EKSEKUTIF JURUTERA JENTERA LADANG:**

1. Membuat perancangan, merekabentuk, menyediakan pelan dan jadual pelaksanaan projek infrastruktur, pengairan dan bangunan pertanian.
2. Membuat spesifikasi dan anggaran projek pembangunan pengairan infrastruktur dan bangunan pertanian.
3. Menyediakan dokumen-dokumen kawasan / sebutan harga untuk projek-projek Rancangan Kemajuan Negara dan tahunan dan membuat penilaian dan sokongan tawaran dan sebutan harga dan pembayaran skop kerja setiap projek yang telah siap dilaksanakan.
4. Merekabentuk, mengendalikan, mengawal, memantau dan menilai ke atas kerja-kerja pembinaan projek pengairan dan peparitan.
5. Membuat pemantauan projek pengairan yang dilaksanakan oleh konsultan dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang berkaitan.
6. Melaksanakan tugas atau arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.